

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN :

1. Penyertaan ini terbuka kepada warganegara Malaysia tanpa had umur.
2. Cerpen hendaklah dalam bahasa Melayu dan ditulis antara 1500 hingga 2000 patah perkataan.
3. Ditaip di atas kertas saiz A4; langkau dua baris; menggunakan font Arial saiz 12 poin. Nombor muka surat mestilah ditaip pada setiap halaman karya. Teks hendaklah dicetak pada sebelah muka surat kertas sahaja.
4. Mestilah hasil penulisan asli peserta dan tidak diciplak atau diterjemahkan daripada mana-mana sumber dan juga belum pernah disiarkan atau diterbitkan dalam mana-mana media.
5. Tidak boleh mengandungi unsur-unsur negatif yang menyentuh sensitiviti kaum, agama dan politik, dan yang boleh menjelaskan keselamatan dan ekonomi negara.
6. Tema karya mestilah berkaitan keharmonian, nilai kemanusiaan, maqasid syariah, mencapai keredaan Allah SWT, konsep fastabiqul khairat dengan isu dakwah islamiah sebagai rahmatan lil-alamin dalam kalangan manusia merentasi zaman, sempadan dan ruang kehidupan.
7. Hasil karya yang dihantar tidak akan dikembalikan. Pengajur mempunyai hak penerbitan pertama sama ada untuk menerbitkan atau tidak menerbitkan karya sayembara ini. Sekiranya hasil karya ini diterbitkan, penerbitannya akan tertakluk pada terma dan syarat izin penerbit yang ditetapkan oleh DBP atau YADIM, mana-mana yang berkenaan. Walau bagaimanapun, karya tersebut boleh dipulangkan kepada peserta atau diterbitkan oleh mana-mana penerbit lain, sama ada setelah karya peserta tidak diterbitkan oleh DBP/YADIM dalam tempoh setahun selepas keputusan sayembara atau selepas izin pemulangan karya atau izin terbit diberikan oleh DBP/YADIM kepada peserta, yang mana-mana terdahulu.
8. Penyertaan yang gagal mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan tidak akan dinilai dan jika pelanggaran syarat ini hanya diketahui selepas penilaian dibuat atau selepas keputusan dibuat, Pengajur berhak menolak penilaian yang telah dibuat atau menarik balik sebarang anugerah atau hadiah daripada peserta berkenaan, jika ada.
9. Sebarang surat-menyurat berkaitan dengan keputusan sayembara tidak akan dilayan. Keputusan panel hakim adalah muktamad.
10. Tarikh tutup penyertaan karya adalah pada **20 September 2019**.
11. Penyerahan karya hendaklah dihantar ke e-mel rasmi sayembara, iaitu: spcbi@dbp.gov.my atau secara pos atau serahan tangan ke alamat berikut:

**Urus Setia,
Sayembara Penulisan Cerpen Berunsur Islam YADIM – DBP,
Bahagian Promosi dan Pengiktirafan,
Aras 25, Menara DBP,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.**

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:
Puan Nor Atikah Buang: 03-2147 9124 (noratikah@dbp.gov.my)
Nurliyana Aqilah Zulkefli: 03-2147 9123 (aqilah.dbp.gov.my)

BORANG PENYERTAAN

| |
|-------------------------------|
| Nama : |
| No. Kad Pengenalan : |
| Alamat Surat-menyurat : |
| Judul Cerpen : |
| No. Telefon : |
| E-mel : |

Borang penyertaan hendaklah dilampirkan dengan perkara yang berikut:

1. Manuskrip Cerpen 2. Gambar dan Latar Belakang Penulis